

# SAMBUTAN KEMERDEKAAN DI LUAR NEGARA

Semangat merdeka turut dirasakan oleh rakyat Tanah Melayu yang berada di luar negara.

1. Di London, perayaan sambutan kemerdekaan diadakan di Trafalgar Square pada pagi 31 Ogos 1957. Bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan di Malaya House selepas Pengisytiharan Kemerdekaan dibaca oleh Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu di United Kingdom, Encik Nik Ahmad Kamil. Sambutan besar-besaran yang bermula sejak 26 Julai, berlangsung selama 36 hari.
2. Di Indonesia, perayaan selama dua hari diadakan secara besar-besaran di Kota Raja, Padang, Medan, Pekan Baru, Jambi, Palembang, Bandung, Surabaya, Jogjakarta, Jakarta dan Banjarmasin. Radio Republik Indonesia menyiarkan ucapan hari merdeka selama lapan malam berturut-turut bermula 22 Ogos.
3. Sambutan turut diadakan di Arab Saudi, Amerika Syarikat, Australia, Jepun, Filipina, Burma dan Rusia.



Para pegawai dan kadet tentera yang menyertai perbarisan sempena sambutan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu di London pada 31 Ogos 1957.



Sebahagian rakyat Persekutuan Tanah Melayu yang berada di London menyaksikan upacara sambutan kemerdekaan negara yang diisytiharkan oleh Nik Ahmad Kamil, Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu di Trafalgar Square, London pada 31 Ogos 1957.



Sambutan perayaan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu di Jakarta, Indonesia pada 31 Ogos 1957.



Sambutan perayaan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu di Tokyo, Jepun pada 31 Ogos 1957.

*Sumber:*

1. Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan Negara, Banda Hilir, Melaka.
2. Samsiah Muhamad (ed.), 2007. *Citra Merdeka 1957-2007*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia dan Utusan Publication & Distributors Sdn.Bhd.
3. Zakiah Hanum, 1997. *Maka Merdekalah Negara Kita*. Kuala Lumpur: Adhicipta (M) Sdn.Bhd.